

19 FEB 1999
KAMPUNG-BUKU
KAMPUNG BUKU MALAYSIA DI LANGKAWI SEMAKIN POPULAR

Oleh: Leslean Arshad

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Kampung Buku Malaysia, sebuah perkampungan buku di Lubuk Semilang, Langkawi, mula meraih populariti sebagai satu destinasi pelancongan yang menarik dengan anggaran lebih daripada 150,000 orang telah mengunjungi kawasan itu, di mana 25 peratus daripadanya adalah pelancong asing.

Jumlah itu, bagaimanapun, tidaklah begitu besar jika dibandingkan dengan anggaran lebih daripada 10 juta peminat buku yang mengembara setiap tahun untuk melawat perkampungan buku di seluruh dunia.

Memandangkan kepada prospeknya yang baik, terdapat rancangan bagi Kampung Buku Malaysia, yang ketika ini terdiri daripada enam buah rumah dengan seni bina warisan Melayu yang berbeza, untuk dikembangkan sebanyak 10 kali ganda, kata pengarahnya Hashim Ismail.

Setakat ini, hanya 12 hektar telah digunakan bagi Kampung Buku dan terdapat kira-kira 300 hektar lagi yang belum dimajukan. Hashim mendedahkan bahawa sasaran akhir adalah untuk mendirikan 60 rumah di kawasan itu.

Kampung Buku, yang dibuka pada 3 Dis, 1997 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terletak di tengah-tengah Langkawi yang dikelilingi oleh kawasan hijau, segar dan menarik di kaki Gunung Raya. Sebuah anak sungai jernih merentangi Kampung Buku itu untuk menyediakan persekitaran yang nyaman dan tenteram kepada pengunjung.

Kampung Buku Malaysia adalah termasuk sebagai sebahagian daripada Kampung Buku Antarabangsa dan Pergerakan Bandar Buku.

Kampung buku dan bandar buku lain termasuklah Hay-on-Wye di Wales, Redu Village du Livre di Belgium, Bredevoort Boekenstad di Belanda dan Fjaerland di Norway.

Hashim berkata dengan lebih banyak rumah dibina peringkat demi peringkat, pemilihan buku yang lebih baik dijangka dibuat di masa depan bagi menarik minat lebih ramai peminat buku.

"Kami perlu menarik lebih ramai peminat buku datang melawat ke sini," katanya, sambil menambah peminat buku tidak akan melepaskan peluang mengunjungi Kampung Buku apabila melancong ke Langkawi kerana ia menawarkan banyak pilihan buku.

"Lebih banyak kita membaca, lebih banyak kita mendapat pengetahuan dan ia amat berguna kepada kita," kata Hashim.

Keenam-enam rumah itu, jelasnya, dipenuhi dengan buku-buku tempatan serta dari luar negara yang merangkumi pelbagai subjek dan bahasa - Bahasa Melayu, bahasa Eropah dan bahasa Asia Timur.

Rumah "Pok Rafeah" dibina khusus sempena memperingati ibu kepada Tun Daim Zainuddin yang banyak menyumbang kepada projek itu. Rumah itu menawarkan buku-buku berkaitan pelancongan dan sukan serta novel dalam bahasa Inggeris dan Eropah. Terdapat juga pusat Internet dan multimedia di rumah itu.

Rumah "Noel Anselot" dinamakan sempena nama pengasas Redu Village du Livre. Rumah itu menjual majalah antarabangsa dan tempatan serta buku agama dan kanak-kanak.

Rumah "Richard Booth" pula dinamakan sempena memperingati "Raja" Richard Booth, pengasas kampung buku pertama di Hay-on-Wye di Wales. Ia menjual buku lama dan buku antik dalam Bahasa Inggeris dan menawarkan skim satu-kampung-satu-produk dari Jepun, Taiwan, China, Filipina, Korea Selatan dan Malaysia.

Rumah "Henk Ruessink" dinamakan sempena pengasas Bredevoort Boekenstad

di Belanda. Ia menempatkan Popular Book Co yang mengkhususkan dalam buku-buku di Asia Timur.

Dewan Bahasa dan Pustaka menduduki satu daripada rumah itu dan menjual buku mengenai Malaysia dan dalam Bahasa Melayu manakala Darulfikir menduduki unit selebihnya. Ia mengkhususkan bagi buku terpakai dan buku lama dalam Bahasa Arab merangkumi kesusasteraan Arab, Islam dan Al-Quran.

Kampung buku itu yang mengambil pendekatan "beli dan jual" menawarkan pelbagai jenis buku terpakai, yang sukar ditemui dan buku-buku klasik di mana sebahagian daripadanya dijual dengan harga yang berpatutan, kata Hashim.

Hashim, bagaimanapun, tidak menolak hakikat bahawa jualan buku terjejas berikutan kegawatan ekonomi.

"Ketika krisis ekonomi melanda kita... orang ramai kurang mengunjunginya dan ia menjadi begitu sunyi," katanya, sambil menambah pada tempoh itu setiap rumah kadang-kadang sukar mendapat jualan walaupun RM20 sehari.

Bagaimanapun, keadaan bertambah baik kebelakangan ini, ujarnya, sambil menambah jualan meningkat di setiap rumah dan ada kalanya sampai mencecah RM500 sehari daripada jualan buku.

Kampung Buku adalah satu daripada ilham Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid. -- BERNAMA

LES ZK 0S